

2023



LAPORAN

SETENGAH TAHUNAN

KUMIPA BALANCED FUND

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir
31 Oktober 2023

PENGURUS TABUNG

PENGURUSAN KUMIPA BERHAD 198901010602 (187904-M)
(CMSL/A0150/2007)

Kandungan	Muka surat
Maklumat Tabung	1
Prestasi Tabung	2
Laporan Pengurus	4
Laporan Pemegang Amanah	9
Penyataan Pengurus	10
Laporan Dan Penyata Kewangan Yang Tidak Diaudit	11
Maklumat Tambahan	31
Maklumat Korporat Pengurus	34

**LAPORAN SETENGAH TAHUNAN KUMIPA BALANCED FUND
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 OKTOBER 2023**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Para Pemegang Unit Yang Dihormati,

Pengurusan Kumipa Berhad (PKB atau Pengurus) selaku Pengurus KUMIPA Balanced Fund (Tabung) dengan ini mengemukakan Laporan Setengah Tahunan dan akaun Tabung yang tidak diaudit bagi tempoh 6 bulan mulai 1 Mei 2023 hingga 31 Oktober 2023.

Pengurus terlebih dahulu merakamkan ribuan terima kasih kepada para Pemegang Unit yang dihormati di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan. Pengurus akan meneruskan usaha memperbaiki pencapaian Tabung anda dan memberikan komitmen sepenuhnya agar Tabung anda menjana pulangan yang berpatutan.

MAKLUMAT TABUNG

1. NAMA TABUNG

KUMIPA Balanced Fund

2. TARIKH PELANCARAN SEMULA

20 Jun 1994

3. KATEGORI TABUNG

Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang

4. JENIS

Tabung Pendapatan Dan Pertumbuhan

5. OBJEKTIF PELABURAN

Berusaha untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Surat Ikat.

Pemegang Unit mesti memberi satu persetujuan melalui mesyuarat Pemegang Unit jika ada perubahan material kepada objektif pelaburan Tabung.

6. PENANDA ARAS PRESTASI TABUNG

Gabungan Indeks FBMEmas dan kadar simpanan tetap konvensional di institusi kewangan utama tempatan.

7. POLISI AGIHAN PENDAPATAN

Pengurus akan membuat agihan pendapatan (jika ada) daripada pendapatan nyata Tabung yang diperolehi bagi tahun kewangan semasa. Kebiasaannya agihan pendapatan akan dibuat kepada Pemegang Unit di dalam bentuk tunai dan/atau unit sekurang-kurangnya sekali setahun.

PRESTASI TABUNG

1. PERBANDINGAN PENCAPAIAN BAGI TIGA TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 OKTOBER

A. Komposisi Portfolio Pelaburan (mengikut nilai pasaran)

	2023	2022	2021
Sekuriti tersenarai (tempatan) (RM'000)	20,057	17,902	23,378
Sekuriti pendapatan tetap dan simpanan (RM'000)	21,014	21,755	19,676
Sektor pelaburan sekuriti tersenarai			
Barangan Pengguna/Perkhidmatan	5.20%	2.09%	4.01%
Barangan Industri/Perkhidmatan	6.89%	6.83%	7.09%
Pembinaan	3.18%	2.93%	5.07%
Tenaga	0.84%	0.82%	2.09%
Telekomunikasi dan Media	1.29%	1.76%	2.23%
Perkhidmatan Kewangan	10.44%	11.26%	13.48%
Penjagaan Kesihatan	2.37%	3.15%	3.27%
Pengangkutan dan Logistik	1.60%	0.59%	2.45%
Utiliti	3.12%	2.58%	2.81%
Hartanah	1.22%	1.78%	2.21%
Perladangan	5.93%	4.82%	3.47%
Teknologi	1.11%	1.03%	0.53%
REITS	4.13%	4.55%	4.10%
	2023	2022	2021
B Nilai Aset Bersih (RM'000)	42,378	40,534	44,265
C Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	0.2164	0.2105	0.2319
Bilangan Unit Dalam Edaran (unit '000)	195,844	192,536	190,888
	(RM)	(RM)	(RM)
D Nilai Aset Bersih Seunit Tertinggi (Bagi tempoh 1 Mei - 31 Oktober)	0.2188	0.2223	0.2343
E Nilai Aset Bersih Seunit Terendah (Bagi tempoh 1 Mei - 31 Oktober)	0.2015	0.2067	0.2223
	2023	2022	2021
	(%)	(%)	(%)
F Jumlah Pulangan :			
- Pertumbuhan Modal	2.80	(9.23)	7.81
- Hasil Pulangan Pendapatan	-	-	-
Jumlah	2.80	(9.23)	7.81
	% / (sen)	% / (sen)	% / (sen)
G Agihan			
Kasar pada 31 Oktober	-	-	-
Bersih pada 31 Oktober	-	-	-
Unit percuma	-	-	-
H Nisbah Jumlah Perbelanjaan (%)*	0.86	0.83	0.83
I Nisbah Dagangan Portfolio (kali)**	0.06	0.02	0.03

#Sumber : Penyata Kewangan Tabung tidak diaudit yang telah ditentukan oleh Juruaudit Luar

*Nisbah jumlah perbelanjaan meningkat daripada 0.83 kali kepada 0.86 kali bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2023 kerana berlaku peningkatan di dalam jumlah perbelanjaan pentadbiran.

** Nisbah dagangan portfolio meningkat daripada 0.02 kali kepada 0.06 kali bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2023 kerana berlaku peningkatan di dalam purata pemerolehan Tabung.

2. PURATA PULANGAN TAHUNAN

	Jumlah	Purata
Tempoh 1 Tahun (31.10.2022 hingga 31.10.2023)	7.18%	7.18%
Tempoh 3 Tahun (31.10.2020 hingga 31.10. 2023)	14.85%	4.95%
Tempoh 5 Tahun (31.10.2018 hingga 31.10. 2023)	12.21%	2.44%

#Sumber : Penyata Kewangan Tabung tidak diaudit yang telah ditentukan oleh Juruaudit Luar

3. JUMLAH PULANGAN TAHUNAN BERAKHIR 30 APRIL

Tahun	Jumlah
2023	(3.39%)
2022	2.13%
2021	11.44%
2020	(10.51%)
2019	(0.71%)

#Sumber : Penyata Kewangan Tabung (diaudit)

Nota :

Jumlah pulangan tabung terdiri daripada hasil pulangan pendapatan dan pertumbuhan modal. Berikut ialah asas kiraan pulangan tabung :

a. Hasil pulangan pendapatan : $\frac{\text{Agihan Kasar Seunit} + \text{Bonus Seunit}}{\text{NAB Akhir Seunit (selepas agihan)}}$

b. Pertumbuhan modal : $\left\{ \frac{\text{NAB akhir Seunit (selepas agihan)}}{\text{NAB awal Seunit (selepas agihan)}} \right\} - 1$

c. Jumlah pulangan : Hasil Pulangan pendapatan + Pertumbuhan modal

Purata jumlah pulangan tahunan = pulangan tahunan dicampurkan dan dibahagikan dengan tahun dikehendaki.

Contoh :

Untuk tiga tahun = $\frac{\text{jumlah pulangan tahun 1} + \text{jumlah pulangan tahun 2} + \text{jumlah pulangan tahun 3}}{3}$

Nisbah jumlah perbelanjaan dan nisbah dagangan portfolio boleh dirujuk kepada penyata kewangan tabung tidak diaudit di muka surat 28.

KENYATAAN

Pencapaian Tabung atau rekod pengagihan Tabung pada masa lalu tidak menjamin atau menggambarkan pencapaian/perolehan di masa hadapan.

Harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan juga naik.

LAPORAN PENGURUS

1. ULASAN PENCAPAIAN TABUNG

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2023, KUMIPA Balanced Fund telah mengumpulkan pendapatan-pendapatan nyata seperti berikut :-

	Pada 31.10.23	Pada 31.10.22	Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Keuntungan jualan saham	0.90	0.34	164.71
Dividen	0.28	0.34	(17.65)
Hibah	0.19	0.14	35.71
Faedah	0.14	0.11	27.27
Pelbagai pendapatan	-	-	-
JUMLAH PENDAPATAN NYATA	1.51	0.93	62.37
Nilai Aset Bersih (NAB)	42.38	40.53	4.56

UNIT DALAM PUSINGAN PADA 31 OKTOBER	195,845,745.13	192,536,745.13
-------------------------------------	----------------	----------------


Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2023, secara keseluruhannya pendapatan nyata Tabung mencatatkan kenaikan sebanyak 62.37% berbanding penutup pada 31 Oktober 2022. Kenaikan ini disumbang oleh pertumbuhan yang positif dari pendapatan hibah dan faedah serta keuntungan jualan saham.

Keuntungan yang diperolehi dari hasil jualan saham mencatatkan peningkatan sebanyak 164.71% sementara pendapatan hibah dan faedah pula meningkat sebanyak 35.71% dan 27.27% masing-masing sejajar dengan kenaikan kadar faedah/keuntungan di pasaran wang.


NAB turut menunjukkan peningkatan sebanyak 4.56% sejajar dengan kenaikan nilai portfolio Tabung.

2. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS TABUNG

Graf dibawah ini menerangkan prestasi KUMIPA Balanced Fund dengan membandingkan jumlah pulangan tahunan Tabung dengan penanda aras Tabung bagi tempoh 6 bulan kewangan berakhir 31 Oktober 2023.



Graf dibawah ini menerangkan prestasi KUMIPA Balanced Fund dengan membandingkan jumlah pulangan tahunan tabung dengan penanda aras Tabung bagi lima tempoh kewangan berakhir 31 Oktober.



Prestasi tabung yang lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga seunit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.

3. POLISI DAN STRATEGI-STRATEGI PELABURAN

Mewujudkan satu portfolio yang seimbang dan pelbagai menerusi :

- Pelaburan dalam ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan potensi pulangan pelaburan serta pertumbuhan yang konsisten.
- Pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan yang boleh menawarkan pendapatan yang stabil.
- Bagi mencapai objektif pelaburan, sebanyak 40% hingga 60% dari NAB Tabung akan dilaburkan di dalam ekuiti khususnya yang tersenarai di Bursa Malaysia manakala selebihnya di dalam sekuriti pendapatan tetap, deposit, instrumen pasaran wang dan aset cair. Walau bagaimanapun, nilai perumpukan aset ini dibenarkan untuk melebihi had yang ditetapkan apabila berlakunya tambah nilai atau susut nilai kepada aset bersih Tabung. Lebihan atau kurangan dari had yang dibenarkan ialah sebanyak 10%.

Nisbah yang tertera di atas merupakan garis panduan asas sahaja. Nisbah ini boleh dilaraskan agar sejajar dengan prestasi pasaran dan juga situasi ekonomi semasa.

- Sekurang-kurangnya 10% dari NAB Tabung dikekalkan dalam bentuk aset cair pada setiap masa.
- Perumpukan aset mungkin akan terlebih atau berkurangan daripada strategi perumpukan yang asal, bergantung kepada keadaan ekonomi, politik, kedua-dua pasaran ekuiti dan pasaran wang pada sesuatu masa atau lain-lain keadaan semasa. Pengurus akan sentiasa memastikan agar apa jua tindakan yang diambil adalah atas kepentingan pelaburan Tabung dan supaya dapat menjana pulangan yang baik.

4. PERUMPUKAN ASET TABUNG

	Pada 31.10.2023	Pada 31.10.2022
Ekuiti	49%	45%
Instrumen pasaran wang	51%	55%

Terdapat sedikit perbezaan di dalam kedudukan perumpukan aset Tabung bagi tempoh ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun, komposisi perumpukan ini sentiasa mematuhi polisi yang ditetapkan.

5. PINJAMAN SEKURITI ATAU PEMBELIAN SEMULA SEKURITI

Tabung tidak terlibat dengan sebarang transaksi pinjaman sekuriti dalam tempoh liputan ini.

6. ANALISA PRESTASI TABUNG

	Pada 31.10.2023	Pada 31.10.2022	Pada 30.4.2023 (selepas agihan)	Pada 30.4.2022 (selepas agihan)
NAB seunit (RM)	0.2164	0.2105	0.2054	0.2227

NAB seunit pada 31.10.2022 ialah RM0.2105 dan telah meningkat kepada RM0.2164 pada 31.10.2023 iaitu peningkatan sebanyak 2.80% pada akhir tempoh liputan ini sejajar dengan kenaikan nilai portfolio Tabung.

7. ANALISA PASARAN

A. Ulasan Pasaran Saham

Bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2023, pasaran saham antarabangsa telah mempamerkan prestasi yang agak baik. Antara faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan prestasi ini termasuklah pasaran buruh kekal baik, kemunculan perkhidmatan teknologi baharu serta tekanan inflasi yang semakin reda berikutan pengetatan dasar monetari yang agresif oleh bank-bank pusat global. Walaupun prestasi pasaran saham antarabangsa agak baik tetapi keadaan sebaliknya dilihat di rantau ASEAN. Kesemua pasaran saham mencatatkan prestasi yang negatif terutamanya Thailand (SET. -9.9%), Jakarta (JSE. -2.8%), Filipina (PSE. -1.5%) dan Singapura (STI. -1.4%).

Seiring dengan prestasi pasaran saham ASEAN yang lemah, penanda aras utama bursa iaitu Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBMVKLI) mencatatkan kejatuhan sebanyak 7.9%. Indeks mengalami kejatuhan dari 1,495.49 mata pada 31 Disember 2022 untuk ditutup pada 1,376.68 mata pada 30 Jun 2023. Majoriti sektor dalam pasaran mencatatkan kejatuhan terutamanya Barangan Industri (-13.7%), Kewangan (-7.1%) dan Barangan Pengguna (-6.6%) sementara sektor yang meningkat adalah Utiliti (12.4%), Hartanah (7.6%) dan Pembinaan (6.3%).

Untuk tempoh ulasan dari 1 Mei 2023 hingga 31 Oktober 2023, pasaran saham mengalami sedikit peningkatan momentum berdasarkan petunjuk ekonomi negara yang agak positif. Walau bagaimanapun, momentum ini terencat disebabkan terdapat kebimbangan tentang prestasi ekonomi di China, sumber tenaga semakin mahal, kadar faedah terus kekal tinggi dan ketegangan geopolitik yang belum reda di antara Rusia dan Ukraine. Berikut adalah ringkasan penanda aras terpilih:

	Indeks FBMVKLI	Indeks FBMEMAS
2 Mei 2023	1,426.11	10,797.80
31 Oktober 2023	1,442.14	10,638.59
Peningkatan/(Penurunan)	1.12%	(1.47%)
Paras Tertinggi	1,463.51	11,018.46
Paras Terendah	1,374.64	10,414.87

B. Ulasan Pasaran Wang

Sepanjang tempoh liputan, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate - OPR) telah mengalami kenaikan sebanyak 25 mata asas seterusnya mengembalikannya kepada paras sebelum pandemik iaitu 3.00%. **(Sumber: Laporan Ekonomi 2023/24)**. Tabung tidak terlibat di dalam pasaran bon.

C. Prospek Ekonomi dan Pasaran

Ekonomi Malaysia telah menunjukkan keteguhan dan daya tahan yang membanggakan dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.7% pada tahun 2022. Momentum pertumbuhan ini berterusan pada 2023 walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Perbelanjaan domestik terus memacu momentum pertumbuhan dengan sokongan asas ekonomi yang kukuh.

Pertumbuhan ekonomi global adalah sederhana, sejajar dengan kadar faedah dan inflasi yang tinggi. Walau bagaimanapun, pasaran tenaga kerja kekal bertahan. Di samping itu, kebimbangan tentang prospek pertumbuhan ekonomi di China dan eksport serantau yang menurun yang mencerminkan permintaan luaran yang lemah turut menjejaskan pertumbuhan ekonomi global.

Meskipun berdepan dengan ketidaktentuan global yang semakin meningkat, ekonomi negara kekal berdaya tahan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan berkembang antara 4% hingga 5%. Pertumbuhan ini masih lagi dipacu oleh permintaan domestik terutamanya pelaburan dan penggunaan swasta. Antara sektor yang terus mencatatkan pertumbuhan ialah sektor perkhidmatan, pembinaan dan perkilangan sementara sektor perlombongan dan pertanian diunjurkan akan mengalami penguncupan pertumbuhan. **(Sumber: Laporan Ekonomi 2023/24).**

Pengurus akan terus memantau perkembangan pasaran bagi memastikan komposisi portfolio Tabung KUMIPA dapat menyerap kesan pasaran yang tidak menentu ini demi menjana pulangan pelaburan yang diunjurkan. Insha Allah.

8. PECAHAN UNIT

Tiada sebarang pecahan unit dilaksanakan dalam tempoh liputan ini.

9. PERUBAHAN YANG KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG DALAM TEMPOH KEWANGAN

Tiada perubahan yang ketara terhadap kedudukan Tabung dalam tempoh liputan ini.

10. PERUBAHAN KEPADA SURAT IKATAN TABUNG

Satu Surat Ikatan Tambahan Ke Sembilan bertarikh 23 Mac 2023 telah dikeluarkan dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti pada 4 April 2023. Surat Ikatan Tambahan ke Sembilan dibuat di antara pihak Pengurusan Kumipa Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad, dibaca bersekali dengan Surat Ikatan Tambahan ke Lapan.

11. PERUBAHAN KEPADA PROSPEKTUS GANTIAN TABUNG

Pengurus telah menerbitkan satu Prospektus Gantian KUMIPA Balanced Fund bertarikh 11 September 2023 bersesuaian dengan kehendak Garis Panduan Tabung Unit Amanah beserta dengan perubahan dari segi pengurusan Tabung. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan yang dibuat adalah tidak material dan tidak menjejaskan kepentingan pemegang unit. Antara perubahan yang dibuat termasuklah:

- Makluman pengeluaran Surat Ikatan Tambahan ke Sembilan
- Memasukkan Risiko Polisi Kecairan
- Mengemaskini maklumat Penanda Aras Prestasi
- Mengemaskini maklumat Agihan Pendapatan
- Mengemaskini Had Pelaburan Tabung

Prospektus Gantian ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 30 Ogos 2023 dan berkuatkuasa serta merta pada 11 September 2023.

12. SITUASI YANG BOLEH MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

Tiada sebarang situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit sepanjang tempoh liputan ini.

13. DAGANGAN SILANG

Tabung tidak terlibat dengan sebarang aktiviti dagangan silang dalam tempoh liputan ini. Buat masa ini Pengurus hanya menguruskan satu tabung sahaja dan secara tidak langsung Tabung tidak terlibat dalam aktiviti dagangan silang ini.

14. KOMISEN RINGAN

Pengurus menerima komisen ringan dalam tempoh liputan ini berbentuk bahan-bahan bacaan dan bahan penyelidikan yang digunakan secara langsung oleh Tabung terutama di dalam membantu membuat keputusan pelaburan bagi Tabung.

Pengurus tidak menikmati apa-apa komisen ringan untuk kepentingannya. Tabung juga tidak pernah terlibat di dalam membuat dagangan berlebihan jual beli sekuriti dalam tempoh liputan ini.

Laporan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund yang tidak diaudit.

Sekian.

Bertarikh : 6 Disember 2023

LAPORAN PEMEGANG AMANAH




PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **KUMIPA BALANCED FUND** ("Tabung"),

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh kewangan berakhir 31 Oktober 2023 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, **PENGURUSAN KUMIPA BERHAD** telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**



ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Ketua Pegawai Eksekutif
Tarikh: 27 November 2023

PENYATAAN PENGURUS

Kami, selaku pengarah-pengarah **PENGURUSAN KUMIPA BERHAD**, iaitu Pengurus kepada KUMIPA Balanced Fund, menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund yang tidak diaudit untuk tempoh kewangan berakhir pada 31 Oktober 2023 yang dibentangkan bersama Laporan Pengurus untuk tempoh berakhir 31 Oktober 2023, menggambarkan dengan benar dan saksama tentang kedudukan Tabung ini, dan telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia, serta disesuaikan dengan Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti untuk Tabung Unit Amanah.

Ditandatangani bagi pihak Pengurus Tabung, **PENGURUSAN KUMIPA BERHAD**.

t.t

PROFESOR DATO' DR. HAJI MUHAMAD BIN MUDA
Pengerusi

t.t

DATIN HAJJAH NOR ASMAH BINTI ABDUL
Pengarah Eksekutif

t.t

DATO' HAJI BAHARI BIN JOHARI
Pengarah

t.t

TUAN HAJI MAZELAN@ROSELY ABDUL RAHMAN BIN OSMAN
Pengarah

t.t

ENCIK NAHMAR BIN JAMIL
Pengarah

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN YANG TIDAK DIAUDIT

Penyata kewangan yang dibentangkan adalah penyata yang tidak diaudit bagi tempoh berakhir 31 Oktober 2023

Penyata Pendapatan Komprehensif bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023

	Nota	31.10.2023 RM	31.10.2022 RM
Pendapatan			
Hibah		188,715	141,553
Faedah		136,359	111,322
Dividen kasar dikecualikan cukai		270,473	308,570
Dividen kasar bercukai		7,980	32,330
Keuntungan jualan sekuriti tersenarai		905,387	341,398
Pendapatan telah direalisasi		1,508,914	935,173
Kenaikan/(Penurunan) dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti		994,109	(2,918,524)
		2,503,023	(1,983,351)
Perbelanjaan			
Fi pengurusan	9	310,407	309,327
Fi Pemegang Amanah	10	20,694	20,622
Fi juruaudit		5,020	5,020
Fi agen percukaaian		1,420	1,420
Perbelanjaan pentadbiran		14,650	3,890
		(352,191)	(340,279)
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai		2,150,832	(2,323,630)
Cukai	11	-	-
Keuntungan/(Kerugian) selepas cukai dan jumlah pendapatan/ (perbelanjaan) komprehensif bagi tempoh semasa		2,150,832	(2,323,630)
Keuntungan/(Kerugian) selepas cukai adalah terdiri daripada :			
Pendapatan telah direalisasi		1,156,723	594,894
Tidak direalisasi: Kenaikan/(Penurunan) dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti		994,109	(2,918,524)
		2,150,832	(2,323,630)

Penyata Kedudukan Kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023

	Nota	31.10.2023 RM	31.10.2022 RM
Pelaburan			
Sekuriti tersenarai	4	20,056,969	17,902,430
Simpanan jangka sederhana	6	11,531,298	12,445,972
Simpanan jangka pendek	6	9,483,103	9,309,185
		<u>41,071,370</u>	<u>39,657,587</u>
Aset lain			
Jumlah terhutang oleh broker saham		273,522	-
Cukai boleh dituntut		192,782	187,006
Faedah dan dividen belum terima		251,056	173,305
Wang dan baki di bank		656,289	580,393
		<u>1,373,649</u>	<u>940,704</u>
Jumlah aset		<u>42,445,019</u>	<u>40,598,291</u>
Liabiliti semasa			
Pengurusan Kumipa Berhad		54,065	51,146
AmanahRaya Trustees Berhad		3,604	3,410
Perbelanjaan terakru		9,273	9,272
Agihan terakru	7	-	-
Jumlah liabiliti		<u>66,942</u>	<u>63,828</u>
Ekuiti			
Modal pemegang unit	8	127,903,654	127,230,596
Kerugian terkumpul		(85,525,577)	(86,696,133)
Jumlah ekuiti		<u>42,378,077</u>	<u>40,534,463</u>
Jumlah ekuiti dan liabiliti		<u>42,445,019</u>	<u>40,598,291</u>
Unit dalam edaran	8	<u>195,843,745</u>	<u>192,535,745</u>
Nilai aset bersih		<u>42,378,077</u>	<u>40,534,463</u>
Nilai aset bersih seunit		<u>0.2164</u>	<u>0.2105</u>

Penyata perubahan dalam Ekuiti bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023

	Modal Pemegang unit (Nota 8) RM	Kerugian Terkumpul RM	Nilai aset bersih RM
30 April 2023	127,312,602	(87,677,568)	39,635,034
Pendapatan telah direalisasi	-	1,156,723	1,156,723
Kenaikan di dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti	-	994,109	994,109
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh semasa	-	2,150,832	2,150,832
Penerimaan dari penjadian unit	693,411	-	693,411
Pembayaran untuk pembatalan unit	(102,359)	-	(102,359)
Pengimbangan agihan	-	1,159	1,159
Agihan pada tempoh semasa		-	-
31 Oktober 2023	127,903,654	(85,525,577)	42,378,077
30 April 2022	126,728,048	(84,375,123)	42,352,925
Pendapatan telah direalisasi	-	594,894	594,894
Penurunan di dalam perubahan nilai pelaburan sekuriti	-	(2,918,524)	(2,918,524)
Jumlah kerugian komprehensif bagi tempoh semasa	-	(2,323,630)	(2,323,630)
Penerimaan dari penjadian unit	860,108	-	860,108
Pembayaran untuk pembatalan unit	(357,560)	-	(357,560)
Pengimbangan agihan	-	2,620	2,620
Agihan pada tempoh semasa		-	-
31 Oktober 2022	127,230,596	(86,696,133)	40,534,463

Penyata aliran tunai bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023

	Nota	31.10.2023 RM	31.10.2022 RM
Aktiviti Operasi			
Penerimaan dari jualan pelaburan		2,447,822	898,899
Bayaran bagi belian pelaburan		(2,326,169)	(1,095,197)
Penerimaan dari dividen		392,937	364,867
Penerimaan dari faedah		333,001	227,639
Bayaran kepada Pengurus		(307,615)	(312,581)
Bayaran kepada Pemegang Amanah		(20,508)	(20,839)
Fi juruaudit dibayar		(10,000)	(10,000)
Lain-lain pembayaran		<u>(13,969)</u>	<u>(3,904)</u>
		495,499	48,884
Cukai dibayar		(342)	(390)
Agihan dibayar		<u>(1,692,384)</u>	<u>(1,950,379)</u>
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		<u>(1,197,227)</u>	<u>(1,901,885)</u>
Aktiviti Kewangan			
Perolehan dari penjadian unit		695,497	864,690
Bayaran untuk pembatalan unit		<u>(103,286)</u>	<u>(359,523)</u>
Aliran tunai bersih dari aktiviti kewangan		<u>592,211</u>	<u>505,167</u>
Pengurangan dalam baki tunai dan bersamaan tunai dalam tempoh kewangan		(605,016)	(1,396,718)
Tunai dan bersamaan tunai			
- pada awal tahun		<u>22,275,706</u>	<u>23,732,268</u>
- pada akhir tempoh kewangan	12	<u><u>21,670,690</u></u>	<u><u>22,335,550</u></u>

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023

1. TABUNG PENGURUS DAN KEGIATAN MEREKA

KUMIPA Balanced Fund (Tabung) beroperasi selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan Tambahan ke Lapan (Surat Ikatan) bertarikh 26 April 2012 yang dibaca bersekali dengan Surat Ikatan Tambahan Ke Sembilan bertarikh 23 Mac 2023 dibuat antara Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus) dan AmanahRaya Trustees Berhad (Pemegang Amanah).

Kegiatan utama Tabung adalah pelaburan di dalam "Pelaburan yang Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di dalam Jadual ke Lapan Surat Ikatan yang termasuk saham-saham tersenarai di bursa saham tempatan.

Pengurusan Kumipa Berhad adalah merupakan Pengurus Kumpulan Wang berlesen dibawah Seksyen 58, Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 dan ianya adalah syarikat milik mutlak Amanah Saham Pahang Berhad. Kegiatan utamanya ialah mengurus tabung unit amanah saham KUMIPA Balanced Fund (Tabung).

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Tabung telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan dan mematuhi Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Berikut adalah piawaian baru, pindaan-pindaan kepada piawaian perakaunan dan interpretasi-interpretasi baru terhadap piawaian perakaunan yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB):

(a) Aplikasi terhadap MFRS dan pindaan-pindaan kepada MFRS**MFRS, Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC yang diterbitkan yang telah diterima pakai**

Syarikat telah menerima pakai Pindaan dan Penambahbaikan Tahunan mandatori seperti berikut bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022:

- Pindaan kepada MFRS 3: Rujukan kepada Kerangka Konsep.
- Pindaan kepada MFRS 116: Hartabenda dan peralatan - Penerusan Sebelum Penggunaan Dimaksudkan.
- Pindaan kepada MFRS 137: Kontrak Onerous (Membebaskan) - Kos Memenuhi Kontrak.
- Peningkatan Tahunan kepada MFRS 2018-2020

Menerima pakai pindaan kepada MFRS di atas tidak memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan Tabung.

MFRS, Pindaan kepada MFRS dan Interpretasi IC yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa.***Tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023***

- MFRS 17 Kontrak Insurans
- Pindaan kepada MFRS 17 Kontrak Insurans
- Peningkatan Tahunan kepada MFRS 101 Pendedahan
Penyata Kewangan: Pengelasan Liabiliti sebagai semasa atau bukan semasa
- Pindaan kepada MFRS 16 Liabiliti Pajak dalam Jualan dan Pajak Balik
- Pindaan kepada MFRS 10 Penyata Kewangan disatukan
- Pindaan kepada MFRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu - Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Sekutunya Bersekutu atau usaha sama

Aplikasi permulaan terhadap pindaan-pindaan kepada piawaian perakaunan seperti di atas tidak mempunyai kesan kewangan yang ketara kepada keputusan dan kedudukan kewangan Tabung.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023 (sambungan)

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Pelaburan

(i) Pelaburan tersenarai

Sekuriti tersenarai dinilai pada harga pasaran terakhir yang dinyatakan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 31 Oktober 2023. Lebihan dan kurangan dalam penilaian semula pelaburan telah diambilkira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti tersenarai.

Kos untuk menentukan keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah dikira pada purata wajaran.

(ii) Pelaburan tidak tersenarai

Nilai dibawa sekuriti pendapatan tetap tidak tersenarai yang diterbitkan oleh Syarikat-syarikat Malaysia dan diberi penarafan oleh Rating Agency of Malaysia atau Malaysia Rating Corporation Berhad dinilai pada nilai saksama disenaraikan oleh "Bond Pricing Agency" yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 31 Oktober 2023 seperti dinyatakan di dalam Nota Panduan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Lebihan dan kurangan di dalam penilaian semula pelaburan telah diambilkira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti.

Keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah berdasarkan perbezaan harga jualan bersih dan nilai dibawa pelaburan.

(b) Penghutang

Jumlah terhutang oleh broker, faedah dan dividen belum terima secara keseluruhan diterima dalam lingkungan 30 hari selepas direkodkan sebagai penghutang.

(c) Pemiutang

Jumlah terhutang kepada broker saham, Pengurusan Kumipa Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad adalah tidak dijamin dan selalunya dibayar dalam lingkungan 30 hari selepas diiktirafkan.

(d) Pendapatan dividen

Dividen dari pelaburan tersiar harga diambilkira berdasarkan kepada tarikh ex dividen.

(e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diambilkira mengikut asas akruan kecuali diragui.

(f) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Tabung menepati tafsiran instrumen "Puttable" yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Instrumen Kewangan: Persembahan.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023 (sambungan)

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

(g) Pengimbangan agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan pembatalan unit. Ianya merupakan purata jumlah pendapatan yang boleh di agihkan termasuk harga penjadian dan pembatalan unit.

(h) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada baki bank dan simpanan di institusi kewangan berlesen dan berkecairan tinggi dan tidak mempunyai risiko perubahan pada nilainya.

(i) Aset kewangan

Semua pembelian biasa atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf pada tarikh perdagangan. Pembelian atau jualan cara tetap adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensional di pasaran.

Semua aset kewangan yang diiktiraf kemudiannya diukur secara keseluruhan sama ada pada kos atau nilai saksama yang dilunaskan, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan.

(i) Pengkelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut kemudiannya diukur pada kos terlunas (amortised cost):

- aset kewangan dipegang dalam model perniagaan yang bertujuan untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan
- terma kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat berikut kemudiannya diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (fair value through other comprehensive income, "FVTOCI"):

- aset kewangan dipegang dalam model perniagaan yang matlamatnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan; dan
- terma kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Kategori ini hanya terdiri daripada derivatif dalam-wang. Mereka dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dalam pendapatan kewangan atau perbelanjaan. Selain dari instrumen kewangan derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, Tabung tidak mempunyai sebarang aset yang dimiliki untuk dagangan atau mereka secara sukarela mengklasifikasikan sebarang aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Selain daripada di atas, semua aset kewangan lain diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi (fair value through profit or loss, "FVTPL").

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi setengah tahun berakhir 31 Oktober 2023 (sambungan)

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)**(i) Aset kewangan (sambungan)****(ii) Kaedah kos terlunas dan faedah berkesan (effective interest)**

Pada pengiktirafan awal aset diukur pada nilai saksama ditambah dengan kos transaksi yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos yang dilunaskan bagi aset kewangan ialah amaun aset kewangan diukur pada pengiktirafan awal dikurangkan dengan pembayaran balik pokok, ditambah dengan pelunasan kumulatif dengan menggunakan kaedah faedah berkesan bagi sebarang perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun matang, diselaraskan untuk sebarang kerugian elaun. Amaun kasar aset kewangan adalah kos yang dilunaskan bagi aset kewangan sebelum menyesuaikan sebarang elaun kerugian.

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan untuk instrumen hutang yang diukur kemudian pada kos terlunas dan di FVTOCI. Bagi instrumen kewangan selain daripada aset kewangan kredit terjejas yang dibeli atau diperoleh, pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar aset kewangan. Bagi aset kewangan yang kemudiannya menjadi kredit terjejas, pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada kos yang dilunaskan bagi aset kewangan.

Bagi aset kewangan kredit terjejas yang dibeli atau diperoleh, Tabung mengiktiraf pendapatan faedah dengan menggunakan kadar faedah berkesan yang diselaraskan oleh kredit ke atas kos yang dilunaskan aset kewangan daripada pengiktirafan awal. Pengiraan tidak kembali kepada amaun kasar walaupun risiko kredit aset kewangan kemudiannya bertambah baik supaya aset kewangan tidak lagi terjejas oleh kredit.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

(iii) Instrumen hutang dikelaskan sebagai FVTOCI

Pengukuran berikutan instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Tabung untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori ukuran di mana Tabung mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

